

**PERIKATAN
NASIONAL**

KASI BAGUS SABAH

**PERIKATAN
NASIONAL**



**Tawaran Perikatan Nasional
Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Sabah Ke-17**

KASI BAGUS
SABAH

TAWARAN LENGKAP
**KASI BAGUS
SABAH**

**PERIKATAN
NASIONAL**

12

TUNJANG

159

TAWARAN

**PERIKATAN
NASIONAL**



**PERIKATAN
NASIONAL**

TUNJANG KASI BAGUS SABAH

01
02
03
04
05
06
07
08
09
10
11
12





KASI BAGUS **HAK** SABAH
KASI BAGUS **TADBIR URUS** SABAH
KASI BAGUS **INFRASTRUKTUR** SABAH
KASI BAGUS **EKONOMI** SABAH
KASI BAGUS **PMKS** SABAH
KASI BAGUS **KESEJAHTERAAN RAKYAT** SABAH
KASI BAGUS **ANAK MUDA** SABAH
KASI BAGUS **WANITA** SABAH
KASI BAGUS **PENDIDIKAN** SABAH
KASI BAGUS **WARGA EMAS** SABAH
KASI BAGUS **KELESTARIAN** SABAH
KASI BAGUS **KESELAMATAN** SABAH

**PERIKATAN
NASIONAL**

15

**TAWARAN UTAMA
DARIPADA
KESELURUHAN**

159

TAWARAN





40%

Hasil negeri dikembalikan kepada Sabah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.



RM1 Bilion

Tabung Perumahan Prihatin Sabah (PriSa) untuk memenuhi keperluan perumahan anak Sabah.



RM300 Juta

Skim Bangkit Niaga Bayu (SBNB), kredit mikro untuk usahawan kecil termasuk belia dan wanita.



RM100 Juta

Dana Tani Belia (DTB) untuk memacu penggunaan teknologi moden dan automasi dalam kalangan usahawan tani muda.



RM30 Juta

Tindakan Sabah Bersih (TSB) untuk pulihkan sungai, pantai & kawasan awam, melibatkan sekolah, IPT, NGO & komuniti dengan teknologi moden.



RM10 Bilion

Sabah Future Fund sebagai dana kekayaan negeri untuk menjamin pulangan jangka panjang hasil sumber asli bagi generasi masa depan.



RM500 Juta

Dana khas untuk Tindakan Mitigasi Banjir (TMB)



RM150 Juta

Dana Mahasiswa Sabah (DAMAS) untuk bantuan kewangan, peranti digital & sokongan pendidikan tinggi bagi anak Sabah.



RM30 Juta

Mekanisasi & Automasi Agromakanan Sabah (MAAS) bagi geran pembelian peralatan moden & automasi untuk PMKS agromakanan.



80,000

Peluang Pekerjaan

Menjelang 2030 melalui inisiatif Kerja Untuk Anak Tempatan Sabah (KUATS).



RM3 Bilion

Dana permulaan bagi merevolusi pengurusan air, jalan, dan elektrik di seluruh Sabah.



RM300 Juta

Dana Didik Sabah (DDS) sebagai tabung akses pendidikan rendah dan menengah.



RM100 Juta

Dana Pelancongan Komuniti Sabah (DPKS) untuk mengukuhkan segmen pelancongan berasaskan komuniti, termasuk aktiviti kebudayaan, homestay dan aktiviti lasak.



RM30 Juta

Mentor Digital Sabah (MDS) untuk mentor bimbing 3,000 usahawan PMKS dalam pemasaran & digitalisasi perniagaan.



RM20 Juta

Susun Niaga Sabah (SNS) untuk bantu PMKS membina asas perniagaan yang sistematik & mampan.

TUNJANG 01



KASI BAGUS
HAK SABAH



TAWARAN

- 1 Memastikan **pelaksanaan ketetapan dalam Perjanjian Malaysia 1963** berkaitan hak Sabah, termasuk **mengembalikan 40% hasil negeri kepada Sabah**, selaras dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.
- 2 Menubuhkan **Sabah Future Fund (SFF)**, sebuah dana kekayaan berdaulat atau **sovereign wealth fund** dengan modal pemula berperingkat sebanyak RM10 bilion bagi menjamin pulangan jangka panjang daripada hasil sumber asli negeri demi generasi masa depan Sabah.

TUNJANG 02



KASI BAGUS
TADBIR URUS SABAH



- 1** Menggubal undang-undang bagi **membolehkan semua ahli Dewan Undangan Sabah menerima peruntukan tahunan yang sama**, tanpa mengira parti politik.
- 2** Melaksanakan **penstrukturan semula Kabinet Sabah** melalui pengagihan portfolio dan fungsi pentadbiran yang sejajar dengan keperluan pembangunan semasa, serta memastikan Ketua Menteri hanya memegang portfolio teras yang perlu, demi mengelakkan pemusatan kuasa.
- 3** Mewujudkan **sebuah Panel Pemantau Khas yang dianggotai oleh wakil masyarakat dan golongan profesional anak Sabah dengan kepakaran pelbagai bidang** untuk memantau dan memastikan semua tawaran Perikatan Nasional dilaksanakan sepenuhnya.
- 4** Meningkatkan kecekapan perkhidmatan Kerajaan Negeri serta pengurusan syarikat milik Kerajaan Negeri (GLC) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui penggunaan teknologi digital terkini serta analisis data berskala besar untuk mengoptimumkan kapasiti Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat serta melonjakkan pertumbuhan ekonomi negeri Sabah.
- 5** Memperkukuh pengurusan sistem kewangan dan perbelanjaan Kerajaan Negeri Sabah dengan:
 - 5.1 Menubuhkan badan Ombudsman bebas** untuk mengambil tindakan terhadap laporan awam berkenaan penyelewengan peruntukan Kerajaan berdasarkan bidang kuasa yang ditetapkan.
 - 5.2 Menggubal dan meluluskan Enakmen Kebebasan Maklumat (Freedom of Information)** bagi meningkatkan ketelusan maklumat untuk kepentingan awam dengan memberi peluang kepada individu untuk mengakses maklumat berkaitan jabatan-jabatan Kerajaan Negeri melalui permohonan rasmi tertakluk kepada perlindungan yang terpakai.
 - 5.3 Memperkenal portal perbelanjaan awam** yang dapat diakses oleh rakyat di mana maklumat kontrak yang diluluskan, nilai tender, syarikat pemenang, tempoh projek dan status kemajuan semasa dipaparkan.
 - 5.4 Mengukuhkan dasar tender Kerajaan Negeri** bagi memastikan setiap perolehan Kerajaan dibuat secara cekap dan telus bagi mengurangkan risiko penyelewengan dan rasuah.


TUNJANG 03



KASI BAGUS
INFRASTRUKTUR SABAH

TAWARAN

- 1** Mengambil tindakan segera untuk **menyelesaikan isu ketidakcekanan pengurusan infrastruktur air, jalan dan elektrik di seluruh negeri Sabah melalui pelaksanaan Pelan Reset Infrastruktur Negeri (PRIN)** berpandukan kepada data dan maklumat semasa dan konsultasi pakar teknikal dan ahli profesional dengan:
 - 1.1** Memperuntukkan **dana permulaan sebanyak RM3 bilion** bagi merevolusi pengurusan air, jalan, dan elektrik di seluruh Sabah.
 - 1.2** **Menstruktur semula organisasi yang bertanggungjawab** dalam mengurus sumber, pembekalan dan pengagihan air di negeri Sabah bagi memastikan kelestarian sumber air dan meningkatkan kecekapan bekalan dan agihan.
 - 1.3** **Memulakan segera usaha memulih bekalan air terawat** kepada penduduk melalui pelaksanaan projek sumber air alternatif secara lebih meluas, termasuk menggunakan teknologi terkini untuk bekalan, rawatan dan penapisan air, sebagai langkah segera jangka pendek bagi memastikan akses kepada air bersih.
 - 1.4** **Menggerakkan segera langkah jangka sederhana dan panjang dalam menyelesaikan isu bekalan air** dengan memastikan pelaksanaan projek berkait bekalan air, termasuk pembinaan empangan, loji rawatan air serta penggantian paip, dilaksana mengikut keutamaan secara cekap dan telus dengan turut melibatkan kerjasama strategik syarikat milik Kerajaan negeri (GLC) dan pihak swasta.
 - 1.5** **Menubuhkan pasukan tindak balas pantas (rapid response team)** untuk mengambil tindakan segera terhadap aduan berkaitan kerosakan jalan yang kritikal dan merbahaya kepada pengguna serta memerlukan pembaikan segera bagi mengurangkan risiko kemalangan di seluruh Sabah.



TAWARAN

- 1.6** Memastikan **peruntukan Malaysian Road Records Information System (MARRIS) yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dimanfaatkan secara telus dan cekap** bagi menjamin penyelenggaraan dan pembaikan jalan sedia ada, termasuk jalan-jalan luar bandar, dibuat berdasarkan perancangan teliti dan mengikut piawaian yang telah ditetapkan bagi meningkatkan akses perhubungan jalan raya yang selamat di seluruh negeri Sabah.
- 1.7** Memastikan **pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan** dengan memudahcara urusan yang berada di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Negeri.
- 1.8** Memulakan segera **usaha memulihkan bekalan dan menambah kapasiti tenaga elektrik di Sabah** menerusi beberapa pendekatan, termasuk melalui penggunaan 90MW set sewaan (rental set), penempatan semula penjana kuasa di samping meneroka keperluan mengimport sementara tenaga elektrik dari Sarawak, bagi menstabilkan rizab margin dan mengurangkan kebergantungan kepada diesel untuk memastikan bekalan tenaga dapat dioptimumkan bagi kegunaan penduduk.
- 1.9** Menggerakkan segera langkah jangka sederhana dan panjang dalam menyelesaikan isu bekalan elektrik untuk memastikan tahap kebolehpercayaan (reliability) bekalan adalah setara Semenanjung Malaysia dengan:
 - a) Menstruktur semula penghantaran tenaga melalui pengukuhan grid Pantai Barat-Pantai Timur** serta menyegerakan projek penstabilan sistem.
 - b) Menambah kapasiti baharu tenaga melalui loji jana kuasa turbin gas kitaran gabungan (CCGT) di Pantai Barat dan Pantai Timur Sabah.**
 - c) Mewujudkan kepelbagaian sumber tenaga Sabah** menerusi penjanaan daripada Empangan Hidroelektrik Ulu Padas, pengukuhan sinergi dengan bekalan elektrik daripada tenaga hijau menerusi **pelan tindakan Sabah Transition to Renewable Opportunities and New Growth (STRONG)** di samping meneroka potensi mengimport sementara tenaga elektrik dari Sarawak.
 - d) Melaksanakan penggantian aset tamat tempoh berdasarkan perancangan yang telah ditetapkan.**

TAWARAN

- 2 Menubuhkan **Pihak Berkuasa Multimedia Sabah (PBM-SABAH)** sebagai badan kawal selia peringkat negeri yang bertanggungjawab mengurus, menyelia serta memudah cara pembangunan infrastruktur komunikasi dan menerajui pelaksanaan pengukuhan ekonomi digital Sabah serta **mewujudkan Sabah Digital Village** yang turut dilengkapi dengan internet berkelajuan tinggi bagi membolehkan penglibatan rakyat Sabah secara meluas dalam e-dagang.
- 3 **Mewujudkan ekosistem logistik masa hadapan yang lebih efisien dan selamat** bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dan keterangkuman sosial dengan:
 - 3.1 Melaksana **Pelan Induk Pengangkutan Road-to-Rail** bagi meningkatkan kecekapan perniagaan dan mengurangkan kebergantungan kepada pengangkutan jalan raya, termasuk dengan membina jajaran baharu laluan rel bagi perkhidmatan kargo dan penumpang, untuk menghubungkan kawasan strategik di negeri Sabah dengan pelabuhan.
 - 3.2 **Meningkatkan kapasiti lapangan terbang di negeri Sabah** bagi memenuhi keperluan perkhidmatan udara masa hadapan melibatkan rakyat tempatan, pelancong dan industri logistik.
 - 3.3 **Menaik taraf pelabuhan di Sabah, termasuk pelabuhan komersial** di Kudat, mengambil kira kedudukan strategik Sabah yang berdekatan dengan pusat ekonomi global seperti China, Jepun, dan Korea, bagi memperkukuh perdagangan antarabangsa serta menarik pelaburan asing.
- 4 Melaksanakan **Tindakan Mitigasi Banjir (TMB) yang komprehensif** di seluruh negeri, dengan tumpuan kepada kawasan berisiko banjir seperti Penampang dan Beaufort melalui penstrukturan semula perancangan bandar serta penaiktarafan sistem saliran dan tebatan banjir dengan **peruntukan dana khas sebanyak RM500 juta**.



TUNJANG 04



**KASI BAGUS
EKONOMI SABAH**

TAWARAN

- 1 Menubuhkan **Majlis Tindakan Ekonomi Sabah (MTES)** sebagai **sebuah platform strategik dipengerusikan oleh Ketua Menteri dan dianggotai oleh kumpulan teknokrat anak Sabah** yang mempunyai kepakaran dalam pembangunan ekosistem ekonomi dan perniagaan meliputi wakil industri, ahli akademik dan pakar profesional, termasuk golongan muda, bagi memantau keadaan ekonomi semasa serta mencadangkan tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang.
- 2 Melaksanakan **tindakan menyeluruh Sabah Tourism Wonders untuk melonjakkan sektor pelancongan** domestik dan antarabangsa dengan sasaran peningkatan pelancong sekurang-kurangnya 100% dalam tempoh 5 tahun bagi memberi peluang pekerjaan kepada anak Sabah dengan:
 - 2.1 Meningkatkan **promosi pelancongan Sabah bagi segmen pelancong bernilai tinggi** dari seluruh dunia.
 - 2.2 Menjadikan sektor pelancongan berasaskan alam semula jadi (nature tourism) dengan penglibatan pemandu pelancong terlatih dan berlesen dalam kalangan warga tempatan.
 - 2.3 Menjadikan **Sabah destinasi tumpuan kapal persiaran di rantau ini** dengan meningkatkan kemudahan infrastruktur serta melaksanakan promosi tersusun melibatkan pengendali kapal persiaran di seluruh dunia.
 - 2.4 Menjadikan **Sabah hab serantau pelancongan perniagaan (business events)** merangkumi Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE) serta pelancongan sukan (sports tourism), termasuk penganjuran acara sukan bertaraf antarabangsa, dengan memanfaatkan fasiliti sedia ada dan menyediakan fasiliti baharu melalui kerjasama pihak swasta.
 - 2.5 Memperkenalkan **Sabah sebagai destinasi pelancongan gastronomi** yang memberi pengalaman sajian makanan etnik tempatan dan kulinari antarabangsa, termasuk berasaskan makanan laut.
 - 2.6 Memastikan pertumbuhan sektor pelancongan turut memberi manfaat langsung kepada penduduk setempat dengan mewujudkan **Dana Pelancongan Komuniti Sabah (DPK Sabah) sebanyak RM100 juta** bagi mengukuhkan segmen pelancongan berasaskan komuniti (community-based tourism), termasuk aktiviti kebudayaan dan warisan, khidmat homestay serta aktiviti lasak.
 - 2.7 Membangunkan **Pulau Gaya sebagai destinasi pelancongan premium**, mengambil kira lokasi strategik berhampiran Kota Kinabalu.



TAWARAN

3 Menggerakkan inisiatif Lonjakan Agro Sabah: Menjamin Bekalan, Memperkasa Rakyat bagi menjadikan **Sabah hab pengeluaran makanan berkualiti dan export-ready** untuk memastikan bekalan makanan rakyat mencukupi pada harga munasabah serta memperkasa peluang pekerjaan berpendapatan tinggi di seluruh pelusuk Sabah dengan:

- 3.1 Meningkatkan pengeluaran padi dengan mengukuhkan rantai industri padi** termasuk infrastruktur dan input pertanian, memulihkan semula lebih 22,000 hektar kawasan sawah terbiar serta memperkasa penggunaan teknologi dan automasi untuk mengoptimumkan produktiviti dan menggalakkan penglibatan lebih ramai pesawah muda.
- 3.2 Mewujudkan Koridor Ruminan Sabah** dengan mengukuhkan jaringan antara ladang, pusat penyembelihan halal serta hab pemprosesan bagi meningkatkan hasil daging dan tenusu.
- 3.3 Meningkatkan pengeluaran ayam pedaging dan ayam penelur** dengan menambah penternak komersil serta menyediakan bantuan seperti peralatan, latihan dan kepakaran melibatkan kerjasama strategik agensi Kerajaan dan pihak
- 3.4 Mengukuhkan produktiviti industri sawit** dengan meningkatkan penggunaan teknologi dan automasi serta mempergiat industri hiliran kelapa sawit termasuk oleokimia, biojisim dan makanan ternakan melalui kerjasama strategik syarikat milik Kerajaan Negeri (GLC), pihak swasta serta pelabur asing.
- 3.5 Memperluas penggunaan teknologi dan automasi dalam kalangan pekebun kecil bagi meningkatkan kualiti pengeluaran getah** untuk industri hiliran berdaya maju melalui penyediaan pelbagai bantuan dan inisiatif.
- 3.6 Mengembangkan tanaman koko dan kopi** dengan mewujudkan **Koridor Khas Koko dan Kopi Sabah (4KS)** melalui sokongan benih, peralatan, latihan dan kepakaran.
- 3.7 Menjadikan perikanan antara tunjang ekonomi biru Sabah** dengan mewujudkan **Zon Perikanan Bersepadu** bagi mengoptimumkan hasil laut melalui penyediaan infrastruktur, kemudahan logistik dan bantuan peralatan yang turut melibatkan nelayan pesisir pantai.
- 3.8 Meningkatkan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat di dalam aktiviti akuakultur** dengan menyediakan bantuan modal, latihan, input perikanan, khidmat nasihat serta program pemasaran bersepadu.
- 3.9 Meningkatkan pengeluaran buah-buahan terpilih yang bernilai tinggi untuk pasaran eksport** dengan memperluas kawasan tanaman mengikut zon, memperkasa penggunaan teknologi dan automasi, menyediakan kemudahan logistik yang menyeluruh serta sokongan pemasaran.





TAWARAN

- 4** Melaksanakan **tindakan bersepadu Mineral Untuk Sabah Termaju (MUST)** bagi menjadikan industri mineral sebagai sumber kekayaan baharu untuk kemajuan negeri Sabah yang dapat memberi manfaat optimum kepada rakyatnya dengan:
 - 4.1** Mewujudkan sebuah kementerian khusus untuk menguruskan hasil mineral Sabah dengan cekap dan telus.
 - 4.2** Membentangkan **Kertas Putih Industri Mineral Sabah** bagi mendedahkan kedudukan sebenar pengurusan sumber mineral negeri, termasuk status kewangan, pemberian konsesi dan lesen serta perincian kutipan hasil.
 - 4.3** Mengambil tindakan perundangan sekiranya Kertas Putih Industri Mineral Sabah mendedahkan berlakunya penyalahgunaan kuasa, penyelewengan atau ketirisan hasil.
 - 4.4** **Menggubal Pelan Induk Mineral Sabah (PIMS)** merangkumi zon perlombongan, garis panduan persekitaran, keselamatan dan pemulihan kawasan lombong.
 - 4.5** **Menyusun semula struktur dan peranan Sabah Mineral Management Sdn. Bhd. (SMM)** dengan meningkatkan kapasiti dan kepakaran bagi memperkasa kecekapan serta ketelusan urusan berkaitan sumber mineral di negeri Sabah.
 - 4.6** **Menubuhkan Special Purpose Vehicle (SPV)** melibatkan kerjasama antara syarikat milik Kerajaan negeri (GLC) dan pakar antarabangsa bagi membangunkan industri pemprosesan pertengahan dan hiliran sumber mineral Sabah.
 - 4.7** Membangunkan kluster industri downstream seperti kaca solar, seramik teknikal, magnet unsur nadir bumi (REE) dan bahan prekursor bateri.
 - 4.8** Menguatkuasakan dasar larangan eksport mineral mentah dan mewajibkan pemprosesan sekurang-kurangnya pada tahap penambahan nilai sebelum eksport.
 - 4.9** **Memperkasa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)** dalam bidang berkaitan perlombongan sumber mineral serta industri pemprosesan pertengahan dan hiliran sumber mineral untuk anak Sabah.

TAWARAN

- 5** Menggerakkan **pelan tindakan Sabah Transition to Renewable Opportunities and New Growth (STRONG)** bagi melonjakkan potensi Sabah dalam industri masa hadapan berasaskan tenaga hijau, seperti solar berskala besar, solar komuniti, hidro mini, biojisim dan tenaga laut untuk menyediakan bekalan elektrik yang stabil di seluruh Sabah serta memberi peluang pekerjaan berpendapatan tinggi untuk rakyat dengan:
- 5.1** Menyediakan inisiatif berfokus bagi menarik pelaburan bernilai tinggi daripada syarikat global yang memberi keutamaan kepada penggunaan tenaga hijau di dalam operasinya serta syarikat yang ingin melabur dalam industri berkaitan tenaga hijau.
 - 5.2** Memperluaskan penglibatan syarikat tempatan Sabah melalui kerjasama strategik dengan syarikat milik Kerajaan negeri (GLC) bagi menyokong ekosistem industri tenaga hijau melalui program pembangunan vendor.
 - 5.3** Mewujudkan kerjasama antara institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) tempatan dan antarabangsa serta syarikat swasta bagi menghasilkan bakat anak Sabah untuk mengisi peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dalam industri tenaga hijau di Sabah.

TAWARAN

- 6 Mengukuhkan rantaian manfaat industri hiliran minyak dan gas kepada ekonomi dan rakyat Sabah dengan memperluas penggunaan komponen dan peralatan industri keluaran vendor tempatan serta meningkatkan penglibatan penyedia perkhidmatan tempatan dan **menetapkan syarat pengambilan 100 peratus pekerja bagi jawatan bukan teknikal dan 90 peratus bagi jawatan teknikal dan pengurusan adalah dalam kalangan anak Sabah.**
- 7 Melaksanakan inisiatif Kerja Untuk Anak Tempatan Sabah (KUATS) dengan:
 - 7.1 Meletakkan sasaran **sekurang-kurangnya 80,000 peluang pekerjaan baharu** di negeri Sabah dapat ditawarkan **menjelang tahun 2030.**
 - 7.2 Mewajibkan syarikat swasta yang menjalankan kerjasama perniagaan dengan **syarikat milik Kerajaan negeri (GLC) mengambil sekurang-kurangnya 90% pekerja anak Sabah** bagi kerja berkemahiran tinggi.
 - 7.3 Menubuhkan **unit bergerak KUATS** yang turun ke setiap daerah secara berkala bagi memberi khidmat nasihat profesional secara langsung kepada anak Sabah, termasuk Orang Kurang Upaya (OKU), dalam bidang yang berpotensi berdasarkan kemahiran serta **menggalakkan pendaftaran dengan Sabah Jobs Portal** bagi mendapat maklumat peluang pekerjaan di negeri Sabah.
 - 7.4 Mengambil kira kadar pengambilan anak Sabah sebagai pekerja dalam kriteria kelayakan bagi pemberian bantuan dan geran daripada kerajaan negeri.
- 8 Merancakkan pertumbuhan zon ekonomi baharu di sempadan Sabah-Kalimantan bagi memastikan rakyat Sabah mendapat kesan limpahan manfaat ekonomi khususnya mengambil kira pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia.



TUNJANG 05



**KASI BAGUS
PMKS SABAH**




TAWARAN

- 1 Memperkenal **Skim Bangkit Niaga Bayu (SBNB)**, satu skim kredit mikro dengan **dana pusingan berperingkat berjumlah RM300 juta** untuk memberi peluang kepada usahawan kecil mengukuhkan perniagaan menerusi pinjaman mudah tanpa faedah dan disertakan dengan khidmat nasihat pengurusan hutang, melibatkan tiga skim utama:
 - a) SBNB Wanita: RM100 juta
 - b) SBNB Anak Muda: RM100 juta
 - c) SBNB Terbuka: RM100 juta
- 2 Melaksanakan inisiatif **Susun Niaga Sabah (SNS)** dengan **peruntukan RM20 juta** melibatkan kerjasama agensi kerajaan dan pihak swasta untuk membantu usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) membina, menstruktur dan menyusun asas perniagaan secara sistematik dan teratur bagi membolehkan perkembangan perniagaan yang mampan melalui:
 - 2.1 **Bantuan khidmat nasihat dan kewangan** untuk mendaftar perniagaan sebagai pemilik tunggal, perkongsian atau syarikat sendirian berhad.
 - 2.2 **Bimbingan serta bantuan kewangan** untuk pendaftaran dan pelesenan bagi membolehkan usahawan layak menyertai perolehan Kerajaan.
 - 2.3 **Bimbingan pengurusan rekod kewangan dan perakaunan**, termasuk menyediakan perisian sistem perakaunan digital secara percuma mengikut kesesuaian.

TAWARAN

- 3** Melaksanakan **Program Mentor Digital Sabah (MDS)** menerusi peruntukan sebanyak RM30 juta bagi tujuan:
 - 3.1** Memilih 1,000 usahawan, termasuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU), yang telah berjaya mengembangkan perniagaan melalui pendigitalan seperti pemasaran digital, sebagai mentor kepada 3,000 usahawan PMKS terpilih.
 - 3.2** Menyediakan geran sokongan dan khidmat latihan serta menetapkan sasaran peningkatan pendapatan tahun pertama dan kedua program bagi setiap usahawan menti.
 - 3.3** Menyediakan geran pembangunan perniagaan kepada mentor yang berjaya membimbing menti mencapai sasaran yang ditetapkan.
- 4** Melaksana inisiatif **Mekanisasi dan Automasi Agromakanan Sabah (MAAS)** dengan peruntukan RM30 juta menerusi pemberian geran untuk membeli peralatan moden seperti mesin pemprosesan berteknologi tinggi dan pembungkusan automatik bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti PMKS yang terlibat dalam pengeluaran produk makanan dan minuman.






TAWARAN

- 5** Menubuhkan **Global Sabah Halal Hub (GSHH)** bagi memudahcara dan membimbing PMKS untuk **mendapatkan pensijilan halal Malaysia** serta meningkatkan eksport agromakanan Sabah ke pasaran halal seluruh dunia melalui bantuan promosi, e-dagang dan padanan pembeli.
- 6** **Menarik lebih ramai pengunjung ke tapak-tapak penjaja** seperti pasar tamu, pasar malam dan pasar minggu terpilih di seluruh negeri Sabah, khususnya di tempat tumpuan pelancong, dengan menaik taraf tapak dan kemudahan serta meningkatkan promosi untuk menyerlahkan keunikan pasar serta kepelbagaian produk yang ditawarkan.
- 7** Memberi peluang kepada **anak Sabah mengusahakan perniagaan melibatkan aktiviti sukan air dan rekreasi air** di kawasan tarikan pelancongan di seluruh negeri Sabah dengan memudah cara pemberian lesen perniagaan berpandukan kepada prosedur operasi standard (SOP) aktiviti air secara cekap dan telus.
- 8** Menyediakan **Dana Pulih Niaga Sabah (DPNS) berjumlah RM50 juta** untuk membiayai kos penggantian peralatan perniagaan yang rosak akibat bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh, bagi membolehkan peniaga kembali meneruskan operasi perniagaan.

TUNJANG 06



KASI BAGUS KESEJAHTERAAN RAKYAT SABAH



TAWARAN

- 1** Menubuhkan **Sabah Prihatin**, sebuah pusat sehenti yang mengendalikan pangkalan **data tunggal** untuk semua penyampaian bantuan Kerajaan negeri kepada rakyat bagi memastikan ketelusan serta tiada pertindihan, keciciran dan ketirisan dalam agihan bantuan.
- 2** Menyediakan **Bantuan Prihatin Rakyat Sabah (BPRS)** dengan pemberian sebanyak **RM4,800 setahun** kepada keluarga miskin tegar dan miskin serta keluarga yang memerlukan bagi membantu meringankan tekanan kos sara hidup rakyat.
- 3** Memperkenalkan **Program Sabah Prihatin (PSP)** bagi mengurangkan beban kos perubatan, meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan, dan memastikan penjagaan kesihatan yang lebih terjamin melalui penglibatan agensi Kerajaan, anak syarikat milik Kerajaan Negeri (GLC), institut pengajian tinggi (IPT) dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dengan:
 - 3.1** Memperkenal inisiatif **Kompas Kesihatan Sabah (KKS)** bagi menyediakan **perkhidmatan saringan kesihatan komuniti secara bergerak melibatkan kawasan perumahan, kampung serta pedalaman** untuk pengesanan awal penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti kencing manis, darah tinggi dan kanser, dengan penyediaan unit saringan bergerak lengkap serta memberi khidmat konsultasi dan sokongan yang berkaitan.
 - 3.2** Mewujudkan pasukan bergerak bagi memberi rawatan berkala secara **percuma** kepada pesakit terlantar dan orang kurang upaya (OKU) di kawasan berjauhan daripada fasiliti kesihatan serta menyediakan bekalan ubat-ubatan terpilih secara percuma kepada pesakit yang memerlukan.
- 4** Menyediakan **Skim Insurans Percuma Orang Sabah (SIPOS)** yang meliputi perlindungan untuk penyakit kronik, kehilangan keupayaan kekal serta kematian akibat kemalangan kepada semua anak Sabah dengan **jumlah perlindungan insurans individu sehingga RM15,000**.

TAWARAN

- 5 Memperkenalkan **skim khusus Khairat Sabah Prihatin (KSP)** melibatkan semua anak Sabah merangkumi **bantuan segera khairat kematian sebanyak RM1,000** bagi meringankan beban waris apabila berlaku kematian.
- 6 Mewujudkan **Pusat Kesejahteraan Bayu (PKB)** bagi menyediakan perkhidmatan sokongan psikologi dan kaunseling serta latihan yang bersesuaian untuk membantu ibu bapa yang mempunyai anak-anak berkeperluan khas seperti autisme, attention-deficit/hyperactivity disorder (ADHD) dan masalah pembelajaran.
- 7 Memperkenalkan **Tabung Dialisis Sabah (TDS) dengan peruntukan permulaan sebanyak RM20 juta** melalui kerjasama strategik melibatkan syarikat milik Kerajaan negeri (GLC), hospital kerajaan dan swasta, syarikat swasta, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) bagi mengurangkan beban kos rawatan dialisis untuk rakyat Sabah yang memerlukan.
- 8 Memudahcara dan meningkatkan kecekapan pengurusan yang berada di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Negeri berkaitan pembangunan kemudahan kesihatan di seluruh negeri Sabah, termasuk mengenal pasti tapak yang bersesuaian untuk cadangan pembinaan hospital kanak-kanak pertama di Sabah bagi menampung keperluan rawatan dan penjagaan kanak-kanak.
- 9 Mengambil **tindakan segera untuk memenuhi keperluan perumahan anak Sabah melalui pelaksanaan Pelan Perumahan Prihatin Sabah (PriSa)** berpandukan kepada data keperluan semasa rakyat dengan:
 - 9.1 Menubuhkan **Tabung PRiSa dengan dana permulaan sebanyak RM1 bilion** bagi tujuan menyediakan perumahan kepada rakyat yang memerlukan.
 - 9.2 Menjalin kerjasama dengan agensi Kerajaan dan pihak swasta dalam pembangunan perumahan rakyat, termasuk melalui penggunaan teknologi terkini pembinaan yang berkualiti, cepat dan selamat.
 - 9.3 Mewujudkan **Skim Rumah Pertama Bayu berasaskan konsep rent-to-own (RTO)** untuk keluarga muda dan golongan berpendapatan rendah memiliki rumah yang selesa.
 - 9.4 Menyediakan **perumahan mampu milik untuk rakyat di lokasi strategik pada harga yang kompetitif** melalui kerjasama antara syarikat milik Kerajaan Negeri (GLC) dan dengan pihak swasta.
 - 9.5 Menyediakan **rumah transit di kawasan terpilih untuk disewa tanpa deposit** oleh golongan bujang dan pasangan anak muda yang baru berkahwin.
 - 9.6 Membantu golongan miskin tegar dan miskin serta golongan yang memerlukan membina rumah di atas tanah mereka sendiri secara percuma.





TAWARAN

- 10 Memperkasa usaha untuk menaik taraf kehidupan penduduk setinggan** melalui pendekatan yang menyeluruh, termasuk penempatan semula setinggan secara tersusun di lokasi yang sesuai dengan menyediakan akses kepada infrastruktur asas.
- 11 Memperkenal Dana Khas Sabah Inklusif (DKSI) dengan peruntukan berjumlah RM10 juta** bagi menyokong penglibatan NGO, persatuan komuniti, serta gerakan masyarakat sivil dalam merancakkan program komuniti bersepadu, aktiviti khidmat masyarakat dan pendidikan silang budaya bagi memupuk perpaduan dan kebersamaan dalam kalangan rakyat Sabah, sejajar dengan identiti Sabah sebagai negeri yang harmoni dan inklusif.
- 12 Melaksana Program Warisan Bahasa-Bahasa Sabah** sebagai inisiatif bagi memelihara, mendokumentasi dan mengembangkan bahasa sebagai khazanah budaya negeri dengan kerjasama pihak swasta bagi penerbitan dan dokumentasi warisan bahasa serta menyediakan latihan tenaga pengajar komuniti.
- 13 Melaksana inisiatif Perlindungan Tanah Adat Anak Negeri Sabah (PTAANS)** bagi meningkatkan kecekapan pengurusan tanah adat melalui pendigitalan geran Native Customary Rights (NCR) dan dokumentasi pemilikan tanah adat serta mengambil pendekatan segera untuk menyelesaikan pertikaian tanah secara lebih cekap, bebas dan profesional di samping mengambil langkah konkrit untuk melindungi NCR di seluruh negeri Sabah.

TUNJANG 07




KASI BAGUS
ANAK MUDA SABAH



- 1** Menyediakan **peruntukan khas Dana Tani Belia (DTB)** berjumlah RM100 juta untuk memacu penggunaan teknologi moden dan automasi dalam kalangan usahawan tani muda bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengeluaran agromakanan.
- 2** Memperkenal inisiatif **Tanah Tani Belia (TTB)** dengan memudah cara kelulusan penggunaan tanah Kerajaan Negeri yang terbiar untuk tujuan pertanian berteknologi tinggi, termasuk penternakan dan akuakultur, oleh usahawan tani muda.
- 3** Memperkasa penglibatan anak muda Sabah dalam industri tenaga hijau dan industri hiliran petroleum menerusi latihan dan program kemahiran bagi menjana pendapatan yang lebih tinggi.
- 4** Mewujudkan inisiatif **SabahTourPro (STPro)** bertujuan melahirkan sekurang-kurangnya 2,000 orang pemandu pelancong profesional berlesen dalam kalangan anak muda Sabah melalui sokongan kewangan, latihan, kemahiran digital serta peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan dalam segmen pelancongan bernilai tinggi.
- 5** Mempregiat penglibatan koperasi belia di negeri Sabah dalam pelbagai aktiviti ekonomi termasuk pelancongan dan pertanian dengan menyediakan subsidi lesen, modal mikro, program latihan dan khidmat nasihat serta insentif yang bersesuaian.
- 6** Memperkenalkan **Skim Bantuan P-Hailing Sabah** dengan peruntukan RM2.5 juta setahun kepada 5,000 anak muda yang terlibat dalam industri penghantaran barangan menggunakan motosikal untuk mendapatkan perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan motosikal serta perlindungan insurans.

TAWARAN

- 7** Memperkenalkan **Program Sabah Drone Pilot (SDP)** untuk melahirkan sekurang-kurangnya 2,000 orang juruterbang kawalan dron profesional berlesen dalam kalangan anak muda Sabah melalui sokongan kewangan, latihan serta peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan dalam sektor penting seperti pertanian, pembinaan, pelancongan, industri kreatif, penyelidikan dan tenaga hijau.
- 8** Melaksanakan **Program Sabah Creators** dengan:
 - 8.1** Menubuhkan **Sabah Creators Lab** sebagai pusat sehati untuk melatih, membimbing dan membangunkan bakat anak muda Sabah dalam bidang animasi, lukisan digital, reka bentuk kreatif, pengekodan dan pembangunan permainan video.
 - 8.2** Menyediakan akses peralatan digital seperti komputer riba, tablet melukis dan perisian animasi kepada peserta bagi menyokong pembelajaran dan penghasilan karya.
 - 8.3** Menjalin kerjasama dengan institusi terpilih untuk memberi peluang kepada anak muda mengikuti program micro-credentials digital yang bersesuaian bagi meningkatkan kemahiran sebagai persediaan menceburi kerjaya berpendapatan tinggi, termasuk bekerja secara jarak jauh seperti 'digital nomad' dengan syarikat tempatan dan antarabangsa.






TAWARAN

- 9 Memperkenalkan **Program Sabah Innovation Accelerator (SIA)** bagi menggalakkan penyertaan anak muda dalam pembangunan syarikat pemula (startup) baharu melibatkan sektor pertanian berteknologi tinggi, akuakultur, ekopelancongan dan teknologi digital dengan menyediakan dana pemula inovasi bernilai sehingga RM100,000, program bimbingan mentor selama enam bulan serta peluang pembentangan (pitching) kepada pelabur berpotensi.
- 10 Membangunkan potensi atlet Sabah untuk bersaing di peringkat dunia melalui **Program Pembangunan Sukan Berprestasi Tinggi Sabah (SBT Sabah)** dengan peruntukan permulaan RM20 juta bagi menyediakan perkhidmatan profesional lengkap termasuk analitik prestasi atlet, khidmat jurulatih terkemuka, pemulihan atlet berasaskan aspek psikologi, fisiologi dan biomekanik serta program latihan yang sistematik dengan kerjasama agensi Kerajaan, institut pengajian tinggi (IPT) dan pihak swasta.
- 11 Memperkasa program pencarian bakat sukan, termasuk sukan elektronik (e-sukan), melalui kerjasama sekolah dan komuniti serta menyediakan sokongan latihan profesional kepada atlet terpilih, membina kemudahan sukan baru dan menambah baik kualiti kemudahan sedia ada di seluruh Sabah.

TAWARAN

- 12** Menjadikan **Sabah sebagai destinasi sukan air utama dunia** dengan membina kemudahan bertaraf antarabangsa, menarik penganjuran kejohanan global berprestij dan menyediakan program latihan bagi melahirkan atlet belia sukan air berprestasi tinggi.
- 13** Melancarkan **inisiatif Sabah Sports Scholarship (3S)**, melibatkan pemberian biasiswa sukan khusus untuk anak Sabah yang berbakat dan berpotensi tinggi bagi meneruskan latihan serta mengikuti pengajian dalam bidang berkaitan pembangunan sukan.
- 14** Memperkenalkan **Program Biasiswa Pensijilan Kejurulatihan Sabah (BPKS)** bagi memberi peluang kepada atlet yang memilih untuk beralih menjadi jurulatih bertauliah setelah bersara dengan menyediakan bantuan kewangan dan latihan untuk melayakkan mereka mendapat sijil profesional kejurulatihan.
- 15** Menubuhkan **Akademi Permotoran Sabah (APS)** untuk melatih anak muda dalam bidang kemahiran mekanikal, perlumbaan profesional dan pengurusan perlumbaan dengan turut menyediakan litar latihan permotoran.



TUNJANG 08



**KASI BAGUS
WANITA SABAH**

TAWARAN

- 1 Mengoptimumkan penglibatan wanita dalam sektor ekonomi dan pentadbiran dengan:
 - 1.1 Melaksanakan **Program Profesional Wanita Sabah (PWS)** yang memberi peluang kepada wanita profesional anak Sabah memulakan perniagaan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan melalui penyediaan dana pemula sehingga RM50,000.
 - 1.2 **Memperkasa 10,000 usahawan wanita yang berpotensi dan berdaya saing melalui penyediaan geran pembangunan perniagaan sehingga RM15,000**, disokong dengan pelaksanaan program latihan komprehensif, bimbingan pementoran oleh pakar industri, inisiatif pendigitalan untuk meningkatkan profil digital, serta sistem pemantauan berterusan bagi memastikan pertumbuhan perniagaan yang mampan dan berdaya tahan.
 - 1.3 Menjalin kerjasama strategik antara Kerajaan Negeri dan pihak swasta bagi merancakkan penyediaan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti yang menawarkan waktu kerja yang anjal, fleksibel dan mesra keluarga, termasuk kemudahan untuk bekerja dari rumah bagi meningkatkan kadar penyertaan wanita sebagai tenaga kerja.





2 Meningkatkan kesejahteraan wanita dan keluarga dengan:

- 2.1 Memperkenalkan bantuan **Lahir Sabah bernilai RM500** yang disalurkan terus kepada ibu yang baru melahirkan anak.
- 2.2 Menyediakan **Bantuan Awal Taska dan Tadika (BATT) sebanyak RM500** untuk setiap anak pasangan bekerja yang berpendapatan rendah bagi menampung kos yuran pendaftaran taska dan tadika.
- 2.3 Mewujudkan **Pusat Sejahtera Wanita Sabah (PUSWAS)** bagi memberi perlindungan untuk wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga termasuk dengan menyediakan sokongan kaunseling, rawatan dan perundangan.
- 2.4 Melaksanakan inisiatif **Wanita Sabah Bangkit (WSB)** bagi wanita yang kematian suami atau berpisah dengan suami dan memerlukan sokongan dengan menyediakan bantuan merangkumi **sumbangan kewangan sebanyak RM800 sebulan untuk tempoh tiga bulan**, khidmat kaunseling dan sesi motivasi serta latihan kemahiran bersama pementoran bagi memperkukuh keupayaan diri.
- 2.5 Memperkenalkan **Bantuan Prihatin Wanita Sabah (BPWS)** sebanyak RM1,200 setahun kepada ibu tunggal yang memerlukan.
- 2.6 Melaksanakan inisiatif **Mammogram Sabah Prihatin (MSP)** yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan mammogram secara percuma untuk semua wanita berumur 45 tahun ke atas dengan kerjasama agensi Kerajaan serta klinik swasta terpilih di seluruh Sabah.

TUNJANG 09



KASI BAGUS
PENDIDIKAN SABAH

TAWARAN

- 1** Menyediakan **Dana Didik Sabah sebanyak RM300 juta** sebagai tabung akses pendidikan rendah dan menengah anak Sabah bagi tempoh 5 tahun untuk tujuan seperti:
 - 1.1** **Penyediaan pengangkutan ke asrama** bagi murid yang tinggal di kawasan pedalaman.
 - 1.2** **Bantuan pembelajaran** bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK).
 - 1.3** **Bantuan peranti serta peralatan pengajaran dan pembelajaran (PdP)** bagi menyokong akses pembelajaran pendidikan digital.
 - 1.4** **Kelas bimbingan percuma** kepada murid daripada keluarga yang memerlukan.
 - 1.5** **Bantuan perkhidmatan saringan pendengaran dan penglihatan kanak-kanak secara percuma** untuk murid yang memerlukan bagi memberi kemudahan bantuan cermin mata serta alat bantu mendengar.
 - 1.6** **Program Sabah Celik Membaca, Menulis dan Mengira (Sabah Celik 3M)** sebagai intervensi bagi memastikan anak-anak Sabah di Tahap 1 dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira.
 - 1.7** **Bantuan alat tulis** kepada murid daripada keluarga yang memerlukan.
 - 1.8** **Bantuan Tenang Periksa Sabah (TPS) sebanyak RM250** untuk setiap pelajar yang akan menduduki peperiksaan SPM, STPM dan STAM.
 - 1.9** **Tabung Aktiviti Sekolah (TAS)** bagi membantu aktiviti kokurikulum serta lawatan rasmi murid sekolah.



TAWARAN



- 2** Menyediakan **Dana Bantu PIBG (DBP)** sebanyak **RM5,000** setahun bagi setiap sekolah Kerajaan di Sabah melibatkan 1,500 buah sekolah.
- 3** Memperkenalkan inisiatif **Teroka Sains Sabah (TSS)** bagi menggalak dan membudaya kreativiti dan inovasi dalam eksplorasi sains dengan **menyediakan trak bergerak** yang dilengkapi pelbagai alatan sains dan teknologi terkini dan interaktif.
- 4** Memudah cara dan meningkatkan kecekapan pengurusan yang berada di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Negeri berkaitan pembangunan sekolah daif bagi memastikan projek pembaikan dan pembinaan semula sekolah daif di seluruh negeri Sabah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dapat disiapkan dengan segera.
- 5** Menyediakan **Dana Mahasiswa Sabah (DAMAS)** sebanyak **RM150 juta** sebagai tabung akses pendidikan tinggi anak Sabah bagi tempoh 5 tahun untuk tujuan seperti:
 - 5.1** **Bantuan secara one-off** kepada anak-anak Sabah yang memerlukan untuk menyambung pengajian di peringkat:
 - a)** Ijazah sebanyak **RM2,500**, peningkatan sebanyak 25%.
 - b)** Diploma/Asasi/Matrikulasi sebanyak **RM2,000**, peningkatan sebanyak 33%.
 - c)** Pelajar Tingkatan Enam sebanyak **RM500**, pertama kali diperkenalkan.
 - 5.2** Memberi **bantuan kewangan dan bantuan alat sokongan asas bagi orang kurang upaya (OKU)** kepada pelajar institut pengajian tinggi (IPT) yang memerlukan.
 - 5.3** **Bantuan peranti digital** seperti komputer riba dan tablet kepada mahasiswa daripada keluarga yang memerlukan.

TAWARAN

- 6** Menyediakan **bantuan subsidi tiket penerbangan Mahasiswa Sayang Sabah (MSS)** sebanyak **RM1,000 setahun** bagi setiap anak Sabah yang sedang menuntut di institut pengajian tinggi (IPT) di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
- 7** Memperkasa akses pendidikan anak-anak Sabah dengan menyediakan pendidikan secara percuma untuk anak-anak Sabah di University College Sabah Foundation (UCSF) dan Kolej Teknologi Yayasan Sabah (KTYS), selain memperkukuh kerjasama strategik dengan universiti tempatan dan antarabangsa serta agensi Kerajaan, bagi meningkatkan kualiti penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran untuk melahirkan graduan yang mempunyai tahap kebolehpasaran yang tinggi.
- 8** Mengenal pasti tapak yang bersesuaian bagi penubuhan universiti awam baharu di Sabah oleh Kerajaan Persekutuan untuk melahirkan graduan berkualiti tinggi dalam bidang industri masa hadapan sebagai memenuhi keperluan pasaran pekerjaan tempatan dan antarabangsa di samping memberi kesan limpahan kepada ekonomi setempat.
- 9** Melaksanakan inisiatif **Sabah Peduli, Banteras Buli (SPBB)** sebagai langkah untuk mewujudkan suasana dan persekitaran selamat kepada anak-anak, khususnya di sekolah dan institut pengajian tinggi, dengan membudayakan nilai-nilai murni, meningkatkan kesedaran tentang buli dalam kalangan masyarakat serta menyediakan khidmat sokongan kepada mangsa buli melalui kerjasama pihak sekolah, persatuan ibu bapa dan guru (PIBG), institusi pendidikan, agensi Kerajaan serta pihak swasta.



TUNJANG 10



KASI BAGUS
WARGA EMAS SABAH

TAWARAN

- 1** Menambah bilangan pusat aktiviti warga emas di seluruh negeri Sabah serta **menyediakan sumbangan dana sebanyak RM5,000 setahun** bagi mengukuhkan peranan setiap pusat dalam melaksanakan aktiviti sosial dan pembangunan kapasiti.
- 2** Mewujudkan **Silver Sabah Village (SSV)** bagi menyediakan kediaman khusus untuk warga emas yang memerlukan dilengkapi dengan fasiliti moden dan selamat melalui penglibatan syarikat milik Kerajaan Negeri (GLC) termasuk penyediaan penjagaan kesihatan asas, pusat aktiviti harian, ruang ibadah dan kemudahan terapi fizikal.
- 3** **Mewujudkan pengangkutan percuma Van Sabah Care (VSC)** melalui kerjasama syarikat milik Kerajaan Negeri (GLC), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), **bagi memudahkan pergerakan warga emas ke pusat rawatan dan aktiviti komuniti.**
- 4** Memperkenal **Program Ekonomi Warga Emas (E-EMAS)** bagi memperkasa penglibatan warga emas berkemahiran dan berkepakaran dalam aktiviti ekonomi dan keusahawanan melalui penyediaan bantuan peralatan, latihan, khidmat nasihat serta pemasaran.
- 5** Memperkenal inisiatif **Sukarelawan Emas Sabah (SES)** bagi memberi peluang kepada warga emas menggunakan pengalaman dan kemahiran yang dimiliki untuk terus bergiat aktif menyumbang kepada pembangunan masyarakat melalui sokongan dan latihan terancang dalam mengukuhkan jalinan sosial antara generasi di seluruh Sabah.
- 6** Memperkukuh keselamatan dan kesejahteraan penghuni pusat penjagaan warga emas dengan memperkemas sistem perlesenan dan melaksanakan pengauditan berkala.



TUNJANG 11



KASI BAGUS
KELESTARIAN SABAH

TAWARAN

- 1** Melaksanakan inisiatif **Tindakan Sabah Bersih (TSB)** dengan peruntukan RM30 juta melalui kerjasama strategik bersama agensi Kerajaan, institut pengajian tinggi (IPT), sekolah, pihak swasta, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat setempat bagi:
 - 1.1** Memperkasakan program kesedaran masyarakat tentang kebersihan dan amalan lestari.
 - 1.2** Melaksanakan aktiviti dan program pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar bagi meningkatkan kebersihan kawasan sungai, pantai dan tempat awam.
 - 1.3** Memperkukuh pemantauan sumber air mentah di kawasan sensitif serta pelaporan pencemaran sumber air melalui penggunaan teknologi terkini.
- 2** Membangunkan **Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Sabah (SPSP Sabah)** yang moden, bersepadu, cekap dan sistematik dengan menaik taraf infrastruktur kutipan, pemindahan dan pelupusan sisa melibatkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta meningkatkan kadar kitar semula bahan terbuang melalui pembinaan fasiliti berteknologi tinggi.
- 3** **Menubuhkan Yayasan Perlindungan Alam Sabah (YPA Sabah)** berperanan untuk memelihara ekosistem serta biodiversiti hutan rimba, pesisiran pantai dan sungai melalui penyelidikan dan eksplorasi khazanah alam Sabah dengan kerjasama penyelidik tempatan dan antarabangsa bagi memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan dapat dilaksanakan secara cekap dan teratur.
- 4** **Memperkasa program perlindungan hidupan liar Sabah** melalui kerjasama antara agensi Kerajaan dan pihak swasta dengan mempertingkat penguatkuasaan terhadap pemburuan haram serta mengenal pasti dan memantau kawasan hotspot konflik antara manusia dan hidupan liar melalui pemetaan berasaskan data, pemantauan berkala bersama komuniti dan pewujudan zon penampian yang terancang bagi memastikan keselamatan penduduk serta kelestarian habitat hidupan liar.
- 5** **Memperkasa usaha pembangunan industri perdagangan karbon serta teknologi penangkapan dan penyimpanan karbon (CCS) di Sabah** melalui kerjasama strategik dengan agensi Kerajaan, industri dan institut penyelidikan tempatan dan antarabangsa ke arah pembangunan ekonomi dan kelestarian alam yang mampan.



TUNJANG 12



KASI BAGUS
KESELAMATAN SABAH

TAWARAN

- 1 Memperkemas kerjasama antara kerajaan negeri Sabah dengan agensi keselamatan termasuk PDRM, ATM, APMM, JIM dan ESSCOM** bagi meningkatkan kawalan di seluruh Sabah terutama di kawasan sempadan perairan yang berisiko kepada ancaman keselamatan.
- 2 Meningkatkan kualiti pemantauan keselamatan di kawasan *hotspot*** melalui tambahan kamera litar tertutup (CCTV) berteknologi tinggi dan butang kecemasan.
- 3 Membanteras kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI)** dengan kerjasama agensi keselamatan melalui operasi bersepadu termasuk tindakan ke atas majikan yang menggaji pekerja tanpa permit bagi menjaga kestabilan sosial dan keselamatan rakyat Sabah.
- 4 Memperkasa Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)** dengan menyediakan program latihan dan pengukuhan organisasi serta dana khas pemantapan JKKK, termasuk bagi menyediakan pondok keselamatan dan peralatan keselamatan seperti lampu solar dan peranti komunikasi.



**PERIKATAN
NASIONAL**

**PERIKATAN
NASIONAL**



**UNDILAH
PERIKATAN NASIONAL**

**PERIKATAN
NASIONAL**

KASI BAGUS SABAH

